



Kenyataan Media

CYBERJAYA

15 Februari 2021

WASPADA KETIKA MELAYARI LAMAN CARI TEMAN SEPERTI *SUGARBOOK* YANG SEDANG DISIASAT

Internet dan aplikasi Internet membuka ruang kepada komunikasi yang lebih luas dan terbuka termasuklah aktiviti-aktiviti tidak bermoral seperti penganjuran parti liar, hubungan terlarang dan aktiviti bertentangan dengan undang-undang seperti penyediaan khidmat pelacuran dalam talian. Kes sedemikian disiasat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Kanun Keseksaan.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil berat dengan gimik pemasaran laman cari teman *Sugarbook* baru-baru ini yang mendakwa semakin ramai wanita Malaysia, terutamanya penuntut universiti, menawarkan diri sebagai *Sugar Baby* di laman aplikasi tersebut. Dakwaan seperti yang terdapat dalam gimik pemasaran itu perlu disiasat untuk disahkan kerana profil pengguna boleh diolah sesuka hati untuk tujuan-tujuan yang berlainan termasuk untuk memperdaya mangsa.

Selain daripada *Sugarbook*, terdapat pelbagai aplikasi lain yang menawarkan perkhidmatan “dating service” atau percintaan dalam talian. Pengguna harus sedar bahawa mereka mudah tertipu dan terdedah kepada risiko jenayah siber sekiranya tidak mengambil langkah keselamatan siber dan kawalan sendiri. Risiko scam percintaan (love scam) akan bertambah dengan terdedah juga kepada *malware* dan *spyware*, kebocoran maklumat peribadi dan gangguan seksual.

Sehubungan itu, MCMC ingin menasihatkan pengguna aplikasi internet agar sentiasa berhati-hati memberikan maklumat peribadi ketika melayari media sosial atau aplikasi dalam talian, terutamanya untuk berhubung dengan orang-orang yang tidak dikenali contohnya di laman pencarian teman.

MCMC akan terus memantau and menyiasat bersama PDRM aplikasi *Sugarbook* dan akan mengambil tindakan terhadap pengguna dan pemilik platform itu sekiranya didapati melakukan aktiviti yang melanggar undang-undang negara ini. Jika terdapat unsur kegiatan pelacuran, tindakan lanjut akan dijalankan oleh PDRM. Ibu bapa dan penjaga pula dinasihatkan untuk sentiasa mengawasi tingkah laku dalam talian anak di bawah jagaan masing-masing dan peka dengan perubahan gaya hidup yang boleh menimbulkan keraguan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



MCMCTV